



Cikgu Harun Amin al-Rashid, di dalam makalahnya Menyambut Minggu Bahasa di Berita Harian, nampaknya membuat masuk bakul menerangkan hanya pengarang angkatannya sahaja yang telah bekerja untuk membuat buku-buku. Cara masuk bakul ini Cikgu sudah lewat- orang ramai sudah tahu. Tahun 1939 banyak buku terbit cikgu sekalipun negeri¹ berperang, tahun 1946 sebelum cikgu buat buku sudah ada buku lain cikgu. Janganlah menulis tidak adil - terus mau masuk bakul sendiri, Cikgu.

* * *

Selain itu, nampaknya Cikgu Harun mau monopoli. Ia bilang banyak orang-orang suka tiru buat buku-buku sekolah. Apakah Cikgu sahaja yang mau buat buku sekolah, orang lain tidak boleh? *Mā shā'a Allāh* Cikgu, apa Cikgu mau monopoli?!!

* * *

Cikgu Harun bilang ada lapangan yang baik bagi penulis-penulis membuat buku iaitu buku novel yang berfaedah kepada masyarakat. Kalau lapangan itu terbuka membuat novel kenapa Cikgu tak mau buat! Hmm, Cikgu, kalau hanya menganjur sahaja - samalah seperti firman Tuhan: *lam taqūlūna mā lā taf'alūn!*

* * *

Tengku Abdul Rahman, tatkala membuka pameran di Kuala Lumpur telah membidas orang-orang Melayu membuat pelat-pelat seperti

orang Inggeris dengan mengatakan: Klang dibaca Kleng, lalang dibaca lelang, Kluang dibaca Keleweng- tersenget bunyinya. Memang betul Tengku, terutamanya pegawai-pegawai Melayu sendiri. Sebab itu Habib Ketua Dewan Bahasa mesti bekerja keras dan memasang pengakap-pengakaapnya supaya menyelidiki pegawai-pegawai yang lebih suka bercakap Inggeris memakai pelat-pelat pula.

* * *

Negeri Melayu, agama rasminya sekarang agama Islam.

Orang-orangnya nampaknya, terutamanya ahli-ahli sasteranya lebih ringan berkata selamat pagi daripada mengucap salam. Bahkan bukan itu sahaja – mereka memandang memberi salam itu sebagai suatu kehinaan - apakah orang-orang yang seperti ini orang Islam? *Wa Allāhu a'lam*, Bung.

* * *

Mufti Johor bilang Kiyai Fadlullah Suhaimi, tatkala memberi fatwa mengenai loteri – tidak banyak baca kitab. Orang bertanya, bila Mufti lihat Kiyai Fadlullah tidak banyak baca kitab? Jangan tepuk dada lalu hinakan orang Tuan Habib? Islam tidak mengajar orang menghina saudaranya orang-orang Islam sendiri.

* * *

Ada orang bilang, golongan-golongan muda sekarang banyak yang hanya mengutamakan golongannya sahaja. Mereka selau menghina dan mengecilkan tenaga orang lain. Mereka juga selalu tidak menghargakan tenaga orang. Apakah sebabnya ini? Jawabnya tentu mau cari nama dan kedudukan. Orang bertanya lagi: Apakah kesannya ini? Jawabnya: Banyak orang nanti tidak mau bekerja dengan ikhlas kepada bangsa. Masa belakang, orang tidak mau lagi berkorban. Kalau tidak percaya tanya sama –

Cemeti al-Farouk

¹ Dalam teks, perkataan tidak jelas